



MENANGANI MASALAH SOSIAL REMAJA

Rata-rata masyarakat sekarang tertanya-tanya, apakah punca yang menghantui jiwa remaja pada hari ini yang semakin agresif serta lari daripada norma hidup sebenar?

ARUL DAS ARUMUGAM

REMAJA merujuk kumpulan kanak-kanak yang berumur antara 13 tahun hingga 18 tahun. Kumpulan kanak-kanak inilah yang banyak terdorong untuk melakukan kesalahan yang dikategorikan sebagai jenayah berat. Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) menggariskan lima kesalahan, iaitu kesalahan pembunuhan, kematian salah yang bukan pembunuhan atau cubaan membunuh; semua kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971; semua kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan seumur hidup atau hukuman mati; semua kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama lebih daripada lima tahun atau dengan hukuman mati; dan semua kesalahan di bawah Akta Penculikan 1961.

Banyak pihak di Barat percaya bahawa keruntuhan nilai murni sebenarnya berpunca daripada revolusi perindustrian di Eropah. Revolusi ini mewujudkan beberapa kerenah, seperti kepelbagaian aktiviti ekonomi, penghijrahan penduduk, pertumbuhan pesat bandar, pertumbuhan kota dan pelabuhan, pertumbuhan sistem pengangkutan, dan pembangunan fizikal perumahan. Keadaan inilah yang menyebabkan perubahan sejarah tamadun manusia sejagat, stratifikasi sosial, kelas sosial, stratifikasi pekerjaan dan nilai sosial. Khasnya dalam sistem kekeluargaan dan perhubungan komuniti.

Fenomena keruntuhan nilai sosial di negara ini mula menular pada awal dekad 1960-an apabila wujud perkembangan asas ekonomi di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, dan Johor Bahru sebagai pusat aktiviti ekonomi, perdagangan,

perkhidmatan, penghijrahan dan pertumbuhan pesat penduduk. Jika sebelum ini remaja terikat dengan hubungan kekeluargaan, kini mereka berubah menjadi impersonal instrumental, iaitu lebih bersifat individualistik, materialistik, dan mementingkan diri semata-mata. Remaja sekarang menggemari hidup mewah, bergaya, dan bebas daripada cengkaman kekeluargaan.

Menurut sarjana Barat, seperti Blair, Myres, dan Jones, amalan hidup mewah, bergaya, serta kebebasan membuka ruang kepada remaja untuk menonjolkan diri kepada rakan sebaya dengan jiwa yang bergelora. Ketika inilah, mereka mudah terdorong untuk memperoleh wang dengan jalan cepat dan mudah biarpun bercanggah dengan nilai masyarakat sekitar.

Dalam keadaan ini, dikatakan kadar masalah sosial dalam kalangan remaja semakin hari semakin membimbangkan. Antara salah laku tersebut termasuklah penagihan dadah, kes jenayah, seperti merogol, merompak, mencuri, memeras ugut, menculik, pembuangan bayi, menyamun, mendatangkan kecederaan, mengedar dadah, dan menjual cakera padat cetak rompak. Selain itu, kegiatan bohjan, bohsia, mat rempit, dan melepak menjadi aktiviti popular dalam kalangan mereka.

Tingkah laku remaja yang berunsur antisosial ini menimbulkan konflik dalam keluarga. Mengimbas kembali sejarah penularan masalah sosial di negara ini, menurut Dr. Zainal Abidin Ahmad dalam Konvensyen Kaunseling ke Arah Keluarga Bahagia yang diadakan pada tahun 1980-an, konflik dalam keluarga banyak disebabkan percanggahan pendapat antara remaja dengan ibu bapa. Remaja dilayan seperti anak kecil di rumah. Banyak remaja menyalahkan ibu bapa kerana segala keputusan di tangan ibu bapa, terutama dalam hal pergaulan dengan kawan jantina lain, dan tidak membenarkan rakan datang ke rumah.

Selain memberikan perlindungan kepada kanak-kanak yang terabai, Akta Kanak-kanak 2001 mewujudkan ruang khusus untuk kanak-kanak yang tidak terkawal dan kanak-kanak yang melakukan jenayah. Kanak-kanak tidak terkawal biasanya melibatkan mereka yang keluar dan tidak pulang ke

rumah untuk tempoh tertentu, lari dari rumah, serta bersifat agresif dalam keluarga. Ibu bapa yang mengalami trauma dalam berhadapan kanak-kanak sebegini perlu merujuk pegawai kebajikan masyarakat untuk mendapatkan panduan dan nasihat.

Menurut seksyen 46 (1), Akta Kanak-kanak 2001, ibu bapa atau penjaga dibenarkan membuat permintaan bertulis kepada mahkamah bagi kanak-kanak supaya anaknya di sesebuah sekolah diluluskan, tempat perlindungan, asrama akhlak atau pusat kerana alasan bahawa ibu bapa atau penjaga tidak dapat menjalankan kawalan yang sepatutnya terhadap kanak-kanak tersebut, maka mahkamah bagi kanak-kanak itu hendaklah:

1. Dengan serta-merta menisiasat kes kanak-kanak itu.
2. Hendaklah mengarahkan pegawai akhlak mengemukakan laporan akhlak kepada mahkamah bagi kanak-kanak itu untuk menentukan sama ada suatu perintah di bawah subseksyen (2) boleh dibuat berkenaan dengan kanak-kanak tersebut ataupun tidak.
3. Boleh memerintahkan supaya kanak-kanak itu ditahan buat sementara di sesebuah sekolah yang diluluskan, tempat perlindungan, asrama akhlak, atau pusat jika difikirkannya perlu untuk berbuat demikian.

Menurut subseksyen (2), mahkamah perlulah berpuas hati bahawa:

1. Suai manfaat untuk memperlakukan kanak-kanak itu sedemikian.
2. Ibu bapa atau penjaga faham tentang akibat perintah itu dan mengizinkan perintah tersebut dibuat.

Maka mahkamah bagi kanak-kanak boleh, atas syor pegawai akhlak, memerintahkan supaya kanak-kanak itu:

1. Dihantar ke sesebuah sekolah, diluluskan tempat perlindungan, asrama akhlak atau pusat, mengikut mana-mana yang sesuai.
2. Diletakkan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi tiga tahun di bawah pengawasan:
 1. Seorang pegawai akhlak atau



Remaja pada hari ini lebih gemar memilih kehidupan bebas dan penuh keseronokan yang mengundang pelbagai gejala negatif.



Mahkamah boleh memerintahkan remaja yang terlibat dengan jenayah dihantar ke Sekolah Henry Gurney.

- ii. Seseorang lain yang dilantik bagi maksud itu oleh mahkamah dan apa-apa perintah sedemikian boleh menghendaki kanak-kanak tinggal di suatu asrama akhlak selama tempoh tidak melebihi 12 bulan.

Bagi kanak-kanak yang disabit melakukan jenayah atau apa-apa salah laku berat, seksyen 91 Akta Kanak-kanak pula terpakai. Seksyen 91 akan menjelaskan kuasa mahkamah bagi kanak-kanak pada akhir percicaraan, khususnya apabila kesalahan dibuktikan. Menurut subseksyen 1, jika mahkamah berpuas hati bahawa sesuatu kesalahan telah dibuktikan, maka mahkamah boleh mengeluarkan salah satu perintah berikut diiringi seksyen 93 yang mengikat ibu bapa atau penjaga untuk menyempurnakan bon.

Seksyen 91(1) memperuntukkan kuasa mahkamah bagi mengeluarkan salah satu perintah seperti yang berikut:

1. Memberikan amaran dan melepaskan kanak-kanak.
2. Melepaskan kanak-kanak apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk berkelakuan baik dan mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh mahkamah
3. Memerintahkan supaya kanak-kanak diletakkan dalam pemeliharaan seseorang saudara atau orang lain yang layak dan sesuai:
 - i. Selama dalam tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah
 - ii. Dengan apa-apa syarat yang dikenakan oleh mahkamah
4. Memerintahkan kanak-kanak membayar denda, pampasan atau kos.
5. Membuat suatu perintah percubaan di bawah seksyen 98, iaitu jika kanak-kanak didapati bersalah atas sesuatu kesalahan selain apa-apa jenayah berat atau dengan sengaja menyebabkan cedera parah, merogol, melakukan sumbang mahram atau mencabul kehormatan atau kesalahan di bawah seksyen 377B, 377C, 377D atau 377E Kanun Keseksaan.

6. Memerintahkan supaya kanak-kanak tersebut dihantar ke sekolah yang diluluskan atau Sekolah Henry Gurney.

- i. Memerintahkan supaya kanak-kanak itu, jika seorang lelaki, disabit di premis mahkamah dan di hadapan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu jika dia hendak hadir; atau
- ii. Mengenakan kanak-kanak itu, jika berumur 14 tahun ke atas dan kesalahan tersebut boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan dan tertakluk kepada subseksyen 96(2), apa-apa tempoh pemenjaraan yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah sesyen.

Seksyen 93(1) pula memerintahkan ibu bapa atau penjaga menyempurnakan suatu bon bagi kelakuan baik kanak-kanak itu dengan satu atau lebih syarat seperti yang berikut:

- i. Bahawa ibu atau bapa atau penjaga dengan ditemani oleh kanak-kanak hendaklah melaporkan diri di jabatan kebajikan atau balai polis yang berdekatan.
- ii. Bahawa ibu atau bapa atau penjaga dengan ditemani oleh kanak-kanak hendaklah menghadiri bengkel interaktif yang dianjurkan di pusat yang ditetapkan.
- iii. Jika kanak-kanak berada di sesebuah institusi pendidikan, maka ibu bapa atau penjaga hendaklah berunding dengan guru dan guru besar, atau pengetua untuk tempoh sebulan sekali.
- iv. Jika kanak-kanak dihantar ke sesebuah sekolah yang diluluskan atau Sekolah Henry Gurney, bahawa ibu bapa atau penjaga hendaklah melawat kanak-kanak tersebut secara tetap atau
- v. Apa-apa syarat lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) mempunyai kesinambungannya dengan masalah keruntuhan akhlak remaja. Akta ini digubal bagi membentuk nilai insaniah dalam sanubari kanak-kanak. Kanak-kanak seharusnya dibentuk dengan nilai dan akidah yang mulia. Hal ini antara ciri tanggungjawab kerajaan terhadap kanak-kanak yang merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat. Idea yang dihasilkan oleh Aristotle dan Plato dalam buku, *The Athenian Constitution* bahawa "peraturan oleh manusia untuk manusia" masih menjadi kenyataan di negara ini.

Oleh itu, ibu bapa yang berhadapan dengan gelagat negatif anak perlulah memahami hakikat bahawa Akta Kanak-kanak membuka ruang untuk memulihkan anak dan bukan sebagai hukuman yang melampau. Gunakanlah saluran yang tepat bagi menangani konflik jiwa bergelora anak. Kanak-kanak tetap menjadi aset penting bagi keluarga, masyarakat dan negara. 📖